



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 11 /2023

PEMENTASAN ‘JELITAWAN DAN LELAKI HAIWAN’ VERSI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Julai 2023 – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara akan menganjurkan Pementasan “Jelitawan dan Lelaki Haiwan” versi Malaysia pada 14 dan 15 Julai 2023 (Jumaat & Sabtu) bertempat di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur. Pementasan ini merupakan sebuah karya adaptasi dari cerita rakyat Perancis ‘La Belle Et La Beta’ oleh Jeanne Marie Leprince De Beaumont yang telah berusia hampir 4,000 tahun dan telah diberi garapan baharu versi Malaysia untuk tontonan masyarakat pada hari ini.

Pementasan ini adalah julung kali dipentaskan bersempena dengan Program Citra Budaya : Colours of Malaysia (COM) 2023 yang memasuki tahun ke 4 pelaksanaannya. Bagi menghasilkan satu persembahan lebih segar dan impak yang lebih menarik kepada penonton, COM 2023 telah membuat pembaharuan dari segi konsep persembahan. Penganjurannya pada tahun ini diperluaskan kepada tema muzikal atau drama tari dan akan mempersembahkan dua (2) pementasan iaitu ‘Jelitawan dan Lelaki Haiwan’ versi Malaysia yang akan dipentaskan pada 14-15 Julai 2023 dan ‘Tanggung’ pada 13-15 Oktober 2023.

Pemilihan naskhah Perancis ‘La Belle Et La Beta’ oleh Jeanne Marie Leprince De Beaumont ini dibuat berdasarkan kepada keistimewaan jalan ceritanya yang unik dan mampu memberi pelbagai emosi kepada penonton. Karya ini merupakan olahan skrip oleh Khartasis yang bukan sekadar menampilkan jalan cerita yang menarik, tetapi unsur-unsur kekaguman yang ditampilkan pada set pentas dan pemakaian busana para pelakon dengan pelbagai karektor yang berkonsepkan Malaysia juga turut memberi kelebihan kepada pementasan ini dan sudah pastinya akan dapat menarik perhatian penonton. Malah melalui pementasan sebegini, ia memberi peluang kepada penggiat seni untuk mempersembahkan karya-karya yang menarik dan sesuai dengan penerimaan masyarakat Malaysia pada hari ini disamping dapat memberi hiburan sepanjang 2 hari pementasan berlangsung”, kata Mohd Amran bin Mohd Haris, Timbalan Ketua Pengarah, (Dasar dan Perancangan) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara ketika hadir menyaksikan persembahan malam ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---

